

LATIHAN

Bahagian A

1. Maklumat berikut menerangkan tentang kaedah menyelesaikan sesuatu tugas dalam sebuah organisasi.

A	Kaedah ini menggalakkan ahli berimajinasi secara kreatif, mencari idea baharu serta kombinasi idea. Sebarang idea dinyatakan secara spontan dan perlu diterima seterusnya dikembangkan.
B	Ahli dapat berinteraksi dalam kumpulan. Kaedah ini menggalakkan daya pemikiran yang lebih kreatif dan boleh menghasilkan idea yang bernas.
C	Ahli dapat mengaplikasikan konsep tertentu dalam menyelesaikan tugas. Kaedah ini diwujudkan menyerupai situasi sebenar tetapi dalam bentuk yang mudah difahami.

Apakah kaedah :

A.

B.

C.


(3 markah)

Menetapkan matlamat yang jelas

Mencari sumber yang jelas dan sah

Menetapkan jangka masa tugas

2. Rajah 1 menunjukkan peta alir langkah menyelesaikan tugas. Lengkapkan peta alir itu.



Rajah 1

(3 markah)

3. Jadual 1 di bawah menunjukkan **elemen** dan **fungsi** organisasi kerja. Tuliskan elemen bagi setiap fungsi yang diberi.

Elemen	Fungsi
i.	Menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan mengikut tempoh masa yang ditetapkan
ii.	Mempamerkan hierarki jawatankuasa yang menggambarkan rantaian arahan dan saluran rasmi komunikasi dalam organisasi
iii.	Merancang dan memastikan tugas dan aktiviti dijalankan dengan sistematik

Jadual 1

(3 markah)

4. Jadual 2 menunjukkan kepentingan budaya kerja positif dalam sesebuah organisasi. Apakah kepentingan budaya kerja positif di ruang yang disediakan berdasarkan penerangan yang diberi.

Mengikut arahan dengan betul

Bekerja mengikut garis masa (Carta Gantt)

Menjaga kebersihan dan kekemasan ruang kerja

Budaya kerja positif	Penerangan
i.	Pekerja menyelesaikan tugas yang diberi mengikut masa yang telah ditetapkan.
ii.	Pekerja sentiasa bersedia menerima tugas berdasarkan peraturan yang ditetapkan.
iii.	Ruang kerja yang kemas membantu seseorang bekerja dengan sistematik.

Jadual 2

(3 markah)

5. Berikut adalah ciri-ciri semangat kerjasama dalam pasukan.

Bertanggungjawab

Sistematik

Bekerjasama



Nyatakan ciri-ciri :

X : _____

Y : _____

Z : _____

(3 markah)

Bahagian B


1. Sekolah anda telah dipilih sebagai tuan rumah Perkhemahan Perdana Puteri Islam Peringkat Daerah. Sebagai pengerusi Persatuan Puteri Islam sekolah, anda diberi tanggungjawab untuk mengendalikan program perkhemahan tersebut.

a) Isi tempat kosong bagi carta organisasi bagi program perkhemahan tersebut.

Bendahari

Ahli
Jawatankuasa

Ahli biasa



(7 markah)

b) Nyatakan tiga ciri semangat kerjasama dalam pasukan.

i.

ii.

iii.

(3 markah)